



PARA peserta bergambar bersama Dr Nizam (duduk empat kiri) selepas bengkel itu.

UB 7-3 2016 A2

21 pelajar UMS sertai Bengkel Penulisan Berita

Oleh JOHAN AZIZ

KOTA KINABALU: Seramai 21 pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menyertai Bengkel Penulisan Berita di Dewan Serbaguna Kolej Kediaman Tun Mustapha (KKTU) UMS, di sini baru-baru ini.

Para peserta bengkel anjuran Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (Jakmas) KKTU UMS itu adalah terdiri daripada barisan tertinggi, pembantu Jakmas dan wakil daripada setiap unit uniform di KKTU.

Melalui bengkel itu, para mahasiswa diberi peluang menyuarakan sebarang persoalan mengenai kaedah penulisan berita yang betul dan efisien di samping memastikan mereka benar-benar memahami konsep dan format yang sebenar dalam menyediakan sesuatu berita.

Ia secara tidak langsung telah membawa kepada isu kualiti dalam penulisan berita.

Wakil unit beruniform Mohamad Firdaus Kamarulzaman berkata perkongsian ilmu tentang kaedah penulisan itu banyak membantu kerana



NIZAM (kanan) menyampaikan ceremahnya kepada peserta bengkel.

pembelajaran sedemikian tidak ditekankan di dalam pembelajaran kuliah.

“Dengan adanya bengkel ini, kami dapat mengetahui proses penulisan berita dengan lebih terperinci.

“Di samping itu, ia dapat memperbaiki serta memantapkan penulisan kamidandempertingkatkan kesedaran berkaitan kepentingan profesionalisme dan integriti dalam penulisan,” katanya.

Yang Dipertua Jakmas Mohamad Asraf Abu Bakar berkata, bengkel itu dapat membantu mahasiswa pada masa hadapan terutamanya dalam bidang kerjaya.

“Selain itu, ini dapat membantu dalam memastikan imej dan reputasi KKTU

ditingkatkan melalui penguasaan kemahiran penulisan yang berkesan,” katanya.

Penceramah yang juga Pengetua KKTU Lt Kol (PA) Dr Mohamad Nizam Nazarudin berkata, bengkel penulisan berita itu adalah untuk mengasah bakat kalangan barisan Jakmas daripada aspek penulisan berita dan kekartawanan.

“Selain membuka peluang menerokai bidang penulisan berita dengan lebih berkesan, bengkel ini mampu menjadikan mahasiswa mempunyai tanggungjawab untuk mempromosikan aktiviti di kampus dengan cara yang betul,” katanya pada majlis penutupan bengkel berkenaan.